

Tarikh : 18 Apr 2019
Ruj. Kami : BDTSB-MPC/2019/003

**Perbadanan Productiviti Malaysia (MPC),
Lorong Produktiviti off Jalan Sultan,
46200 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia**

U/P: En. Noor Mohammad Farhan Nor Azman

Tuan,

DOKUMEN JAMINAN BANK BAGI PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 10 UNIT PENCETAK KEGUNAAN RAMAI, 10 UNIT PENCETAK WARNA, 8 UNIT PENCETAK PERSENDIRIAN, 26 UNIT LCD PROJEKTOR 3000 LUMENS DAN 2 UNIT LCD PROJEKTOR 5000 LUMENS SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 36 BULAN KEPADA IBU PEJABAT DAN PEJABAT WILAYAH, PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

BIG DATA TECHNOLOGY SDN BHD (1027960-W) mengucapkan terima kasih di atas peluang dan tawaran untuk menyertai sebutarga ini.

Berlanjutan dengan penawaran tender yang telah diadakan dan surat setuju terima yang telah ditandatangani, bersama-sama ini disertakan Dokumen Jaminan Bank untuk simpanan jabatan Tuan. Sila akui penerimaannya dengan menandatangani salinan surat ini.

Kami sangat berharap agar pihak Tuan dapat memberikan peluang kepada Big Data Technology Sdn Bhd untuk sama-sama berkerjasama dalam menjayakan projek ini.

Kerjasama awal dari pihak Tuan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, terima kasih

Yang benar,
BIG DATA TECHNOLOGY SDN BHD



.....
Ahmad Bin Hassan
Ketua Pengarah Eksekutif





SALINAN ASAL

Tarikh : 09/04/2019
Rujukan : BPIPBG190515

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

Lorong Produktiviti
Off Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan



Tuan/Puan,

BORANG JAMINAN BANK UNTUK BON PERLAKSANAAN
(KONTRAK BEKALAN/PERKHIDMATAN)

Sebagai balasan kepada No Rujukan : MPC(PCT)400-10/2/49 bertarikh 20/03/2019 yang dibuat antara **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "MPC") dan **BIG DATA TECHNOLOGY SDN BHD (1027960-W)** beralamat di Unit C-15-1, Blok C, Jalan Atmosphere 6, Pusat Perniagaan Atmosphere, Bandar Putra Permai, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontraktor") bagi "PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJI, MENYELENGGARA DAN MENTAULIAH 10 UNIT PENCETAK KEGUNAAN RAMAI, 10 UNIT PENCETAK WARNA, 8 UNIT PENCETAK PERSENDIRIAN, 26 UNIT LCD PROJEKTOR 3000 LUMENS DAN 2 UNIT LCD PROJEKTOR 5000 LUMENS SECARA SEWAAN UNTUK TEMPOH SELAMA 36 BULAN KEPADA IBU PEJABAT DAN PEJABAT WILAYAH, PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)" kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Kontrak") kami, **MALAYAN BANKING BERHAD (3813-K), Branch Processing Centre, IBG Department, Tingkat 1 Menara Maybank, 100 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur** yang bertandatangan di bawah, (kemudian daripada ini dirujuk sebagai "Penjamin") atas permohonan Kontraktor, mengaku janji yang tak boleh batal untuk memberi Jaminan kepada MPC ke atas pelaksanaan yang sepatutnya Kontrak tersebut mengikut cara sebagaimana yang terdapat kemudian daripada ini.

MAKA Penjamin dengan ini bersetuju dengan MPC seperti berikut:-

1. Apabila sahaja MPC membuat tuntutan bertulis, maka Penjamin hendaklah membayar kepada MPC nilai yang ditentukan di dalam tuntutan tersebut tanpa mengira sama ada terdapat apa-apa bantahan atau tentangan daripada Kontraktor atau Penjamin atau mana-mana pihak ketiga yang lain dan tanpa bukti atau bersyarat. Dengan syarat sentiasanya bahawa jumlah tuntutan yang dibuat tidak melebihi dalam agregat sebanyak maksimum **Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Sembilan Dan Lapan Puluh Sen Sahaja (RM3,829.80)** dan bahawa tanggungan Penjamin untuk membayar kepada MPC di bawah Jaminan ini tidak melebihi nilai tersebut di atas.
2. MPC berhak untuk membuat apa-apa tuntutan sebahagian jika dikehendakinya dan jumlah kesemua tuntutan sebahagian itu hendaklah tidak melebihi **Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Sembilan Dan Lapan Puluh Sen Sahaja (RM3,829.80)** dan liabiliti Penjamin untuk membayar kepada MPC jumlah yang disebutkan terdahulu hendaklah dikurangkan dengan perkadaran yang bersamaan dengan apa-apa bayaran sebahagian yang telah dibuat oleh Penjamin.

RM3,829.80

HII/tas09



BPIPBG190515


3. Penjamin tidak boleh dibebaskan atau dilepaskan dari Jaminan ini oleh sebarang perkiraan yang dibuat antara Kontraktor dan MPC sama ada dengan atau tanpa persetujuan Penjamin atau oleh sebarang perubahan tentang kewajipan yang diaku janji oleh Kontraktor atau oleh sebarang penangguhan sama ada dari segi pelaksanaan, masa, pembayaran atau sebaliknya.
4. Jaminan ini adalah Jaminan yang berterusan dan tak boleh batal dan hendaklah berkuat kuasa dari **26/03/2019 sehingga 31/03/2022** kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Asal" (*Initial Expiry Date*) iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak atau selepas penghantaran/penyiapan terakhir mengikut mana yang terkemudian atau di dalam keadaan di mana Kontrak dibatalkan, satu (1) tahun selepas tarikh Kontrak dibatalkan. Penjamin hendaklah melanjutkan Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) jaminan ini untuk tempoh tambahan selama tidak melebihi satu (1) tahun daripada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) (kemudian daripada ini disebut "Tarikh Mati Lanjutan") (*Extended Expiry Date*) apabila diminta oleh MPC dan Jaminan ini adalah dengan ini dilanjutkan. Jumlah agregat maksimum yang MPC berhak di bawah Jaminan ini mestilah sentiasa dipastikan tidak melebihi jumlah **Ringgit Malaysia Tiga Ribu Lapan Ratus Dua Puluh Sembilan Dan Lapan Puluh Sen Sahaja (RM3,829.80)**.
5. Apa-apa tanggungjawab dan tanggungan Penjamin di bawah Perjanjian ini hendaklah luput apabila Perjanjian ini tamat pada Tarikh Mati Asal (*Initial Expiry Date*) atau Tarikh Mati Lanjutan (*Extended Expiry Date*) melainkan jika sebelumnya MPC telah meminta secara bertulis kepada Penjamin untuk membayar sejumlah wang tertentu yang masih belum dijelaskan mengikut peruntukan kontrak.
6. **SEMUA TUNTUTAN BERKAITAN DENGAN JAMINAN INI, JIKA ADA, MESTILAH DITERIMA OLEH PIHAK PENJAMIN DALAM TEMPOH SAH LAKU JAMINAN INI ATAUPUN DALAM MASA TIGA PULUH (30) HARI DARI TARIKH MATI ASAL ATAU TARIKH MATI LANJUTAN JAMINAN INI MENGIKUT MANA YANG LEBIH KEMUDIAN.**

PADA MENYAKSIKAN HAL DI ATAS pihak-pihak kepada Perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan meteri mereka pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

Ditandatangani untuk dan bagi pihak Penjamin di hadapan



Hasnida Hashim
00025016
Pegawai
Branch Processing Centre
Kuala Lumpur



Nurul Akmar Othman
00022259
Pegawai
Branch Processing Centre
Kuala Lumpur

HE/tras09

